

PM selar usahawan bumiputera ingin cepat kaya

UM 25 MAR 2001

Oleh NAZERI NONG SAMAH

KOTA KINABALU 24 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyelar sikap usahawan bumiputera yang ingin cepat kaya dengan menjual segala kemudahan yang diberikan oleh kerajaan sebagai punca mengakibatkan kegagalan mereka di dalam bidang ekonomi.

Perdana Menteri berkata, antara perbuatan mereka itu ialah cepat menjual saham kepada bukan bumiputera

apabila diagihkan saham kerana ingin cepat mengejar keuntungan.

“Tidak akan ada peningkatan bahagian bumiputera jika setiap kali saham diagihkan ia akan dijual dan wang yang mereka dapat pula dibelanja hangus kemudian mereka menunggu lagi untuk diagihkan lagi saham-saham lain,” ujarnya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001 (KEBS 2001) dua hari anjuran kera-

jaan Sabah dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dengan kerjasama beberapa dewan perniagaan tempatan di Magellan Sutura, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam dan Pengerusi Jawatankuasa Induk KEBS 2001, Datuk Pengiran Mohd. Hussein Datuk Pengiran Mohd. Tahir Nasruddin.

Dr. Mahathir juga kesal kerana pelbagai dasar telah dibuat oleh kerajaan bagi membantu kaum bumipute-

ra dalam bidang ekonomi, tetapi peratus pencapaian matlamatnya masih rendah.

“Setelah mengadakan bermacam-macam dasar, usaha dan keutamaan kepada bumiputera selama 30 tahun sejak tahun 1970, pencapaiannya masih amat rendah dan mengecewakan iaitu hanya sekadar 19 peratus,” tegasnya.

Kata beliau, tindakan lain yang menghalang kemajuan dan merugikan golongan usahawan bumiputera ialah

■ Lihat muka 4

PM selar usahawan bumiputera ingin cepat kaya

JM 23 MAR 2001

sikap mereka yang gemar menjual lesen perniagaan dan pengangkutan kepada bukan bumiputera.

Tegas beliau, sikap 'ali baba' dalam bidang perniagaan juga bukan satu perbuatan yang baik jika kaum bumiputera ingin mencapai kejayaan.

"Menjual nama kepada bukan bumiputera juga adalah satu lagi perbuatan yang menggagalkan dasar kerajaan untuk menambah penyertaan bumiputera di dalam bidang perniagaan," ujarnya.

Selain itu katanya, kelemahan dalam bidang pengurusan menyebabkan ramai bumiputera bukan sahaja gagal tetapi hilang modal pelaburan dan wang pinjaman.

Justeru Dr. Mahathir menggesa golongan bumiputera mengkaji sejarah kejayaan usahawan bukan bumiputera seperti jutawan Lim Goh Tong yang meniti kesusahan dari bawah akhirnya berjaya kerana berkat disiplin, kegigihan dan kecekapannya berusaha.

"Lim Goh Tong datang ke Malaysia untuk menjadi kuli, tetapi hari ini dia adalah

seorang 'billionaire' dan ramai lagi tokoh lain yang bermula tanpa satu sen pun modal akhirnya menjadi kaya raya kerana bijak mencari peluang dan berjimat menguruskan kewangan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kaedah tokoh korporat bukan bumiputera mengumpul modal, berniaga dan mengadakan perusahaan sehingga menjadi begitu berjaya sepatutnya dikaji dan dipelajari oleh semua usahawan bumiputera.

Beliau percaya bahawa antara rahsia kejayaan usahawan bukan bumiputera juga adalah berpunca daripada disiplin mereka yang membayar pinjaman bank tepat pada masanya dan dengan itu mereka lebih dipercayai oleh institusi kewangan.

Sesungguhnya menurut Dr. Mahathir, usaha kerajaan untuk membantu tidak akan memberi apa-apa makna sekiranya golongan usahawan bumiputera tidak mengubah sikap untuk melengkapkan diri dengan kemahiran sekali gus berusaha dengan lebih gigih dan berdaya saing dalam arus globalisasi.